

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HST 424 Kertas Khas dalam Sejarah Indonesia

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Sejauh manakah dasar ekonomi Belanda di Sumatera Timur yang bermula pada akhir abad ke-19 telah mengubah struktur masyarakat sama sekali?
2. "Pada hemat saya perpecahan dikalangan penduduk asli di Sumatera Timur sudah lama didapati dan wujudnya masyarakat majmuk disana hanya memperkuat lagi perpecahan ini." (Mohd. Said)  
Bincangkan.
3. "Malangnya, orang Melayu di Sumatera Timur tidak pernah menyebelahi pergerakan nasionalisme Indonesia kerana mereka lebih rela duduk dibawah naungan penajajahan Belanda." (M.S. Karim)  
Setujukah anda dengan kenyataan ini?
4. Apakah kesan Pendudukan Jepun terhadap kedudukan penduduk-penduduk asli dan juga para nasionalis di Sumatera Timur?
5. Bincangkan reaksi masyarakat Sumatera Timur terhadap pengisytiharan kemerdekaan Indonesia di Sumatera Timur oleh Govenor Teuku M. Hasan?

6. "Jika dulu seorang Melayu yang biasanya dipanggil saja dengan nama 'Baharuddin', maka namanya menjadi 'Baharuddin Siregar'; yang dulu bernama 'Mansor' sekarang diubah jadi 'Mansor Lubis'; 'Tahir' menjadi 'Tahir Situmorang'; 'Munir' menjelma jadi 'Munir Simatupang' dan 'Aban' kepada 'Aban Tarigan'. Hilanglah sama sekali suku bangsa Melayu semasa Revolusi Sosial." (Tengku Muhammad Lah Husny)

Merujuk kepada kenyataan ini setujukah anda bahawa 'Revolusi Sosial' yang meletus pada 3 Mac 1946 telah menghapuskan identiti Melayu dikalangan masyarakat Sumatera Timur?

7. Negara Sumatera Timur yang didirikan pada Disember 1947 merupakan satu percubaan yang terakhir penduduk-penduduk asli untuk menuntut semula hak-hak mereka dan melepaskan diri daripada Republik Indonesia?
8. "Bagi saya pembubaran Negara Sumatera Timur pada 17 Ogos 1950 merupakan suatu mala petaka yang telah menimpa penduduk-penduduk asli di Sumatera Timur." (Tengku Ziwari). Berikan sebab-sebab kenapa Negara Sumatera Timur tidak dapat dikekalkan.

-ooo000ooo-